

Kuala Lumpur: Pengendali lori dan bas persiaran yang masih gagal mematuhi peraturan keselamatan wajar dikenakan tindakan keras serta-merta termasuk penggantungan lesen dan denda maksimum.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua berkata, kegagalan 64 peratus syarikat dalam pemeriksaan

KEGAGALAN 64 PERATUS SYARIKAT DALAM PEMERIKSAAN OPS KHAS JISA

Jangan lagi beri muka kepada syarikat cuai'

Ops Khas Laporan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan (JISA) bukan sekadar membuktikan kelemahan dalam pematuhan undang-undang malah

mencetuskan risiko serius terhadap keselamatan pengguna jalan raya termasuk pelancong dan pengguna yang menggunakan perkhidmatan ter-

babit.

Katanya, situasi itu menunjukkan masih ramai pengendali industri yang mengambil ringan aspek keselamatan walaupun ri-

siko dibawa amat tinggi.

"Dalam situasi ini, kita tidak boleh lagi bertolak ansur atau memberi muka kepada syarikat yang cuai.

"Keselamatan nyawa orang awam bukan isu teknikal yang boleh dibaiki di kemudian hari tetapi tanggungjawab utama setiap pengusaha kenderaan perdagangan.

"Syarikat yang berulang kali gagal mematuhi garis panduan JISA sewajarnya dikenakan tindakan tegas

termasuk penggantungan lesen operasi, penalti maksimum atau dalam kes serius siasatan di bawah peruntukan undang-undang keselamatan pekerjaan dan pengangkutan perlu dilaksanakan," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai 64 peratus daripada 133 syarikat pengendali kenderaan perdagangan yang diaudit gagal mematuhi peraturan mandatori di bawah JISA.